

PTPTN kutip balik RM3.4 bilion setakat Okt lalu

MalaysiaKini.com

13 Disember, 2017

Jumlah kutipan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) meningkat kepada RM3.4 bilion setakat Oktober lepas berbanding RM1.5 bilion bagi tempoh sama pada 2015.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching berkata peningkatan itu disumbangkan antaranya oleh keberkesanan kempen #BolehBincang yang dilaksanakan PTPTN.

"Jumlah pengeluaran pinjaman PTPTN setakat Oktober lalu ialah sebanyak RM3 bilion berbanding RM3.9 bilion pada 2015," katanya ketika menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2018 peringkat dasar bagi kementeriannya pada persidangan Dewan Negara, hari ini.

Beliau berkata seramai 4,454 peminjam PTPTN telah menikmati pengecualian bayaran balik pinjaman di atas penganugerahan ijazah kelas pertama setakat Oktober lalu, masing-masing 2,733 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan 1,812 orang pelajar institusi pengajian tinggi swasta.

Mengulas cadangan Senator Datuk Hanafi Mamat agar PTPTN tidak terlampau serius terhadap peminjam dengan menyekat perjalanan ke luar negara, Yap berkata ia merupakan langkah terakhir dan hanya melibatkan peminjam yang tidak membuat bayaran balik mengikut jadual selepas 18 bulan tamat pengajian.

Sementara itu, Yap menafikan dakwaan Senator Dr Mohd Nor Monutty bahawa kementerian berkenaan mengabaikan kebajikan pensyarah kerana golongan itu menerima skim terbaik dalam perkhidmatan awam dengan kelebihan seperti kenaikan pangkat secara merit tanpa perlu mengisi kekosongan jawatan, tidak seperti skim perkhidmatan awam lain.

Bagi menjawab pertanyaan Senator Datuk Fahariyah Md Nordin mengenai langkah memperkukuh kerjaya pensyarah, Yap berkata kementerian berkenaan telah membangunkan empat laluan kerjaya pensyarah melibatkan penyelidikan, pengajaran, profesional dan kepimpinan institusi.

Justeru, selain mengajar pensyarah turut digalakkan menjalankan penyelidikan untuk kecemerlangan dan keserjanaan; selain geran yang disediakan kerajaan bagi penyelidikan yang berimpak tinggi, katanya.

Selain itu, Yap berkata kajian semula elaun kritikal bagi pensyarah bidang tertentu perlu diteliti semula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam secara menyeluruh yang turut melibatkan skim perkhidmatan lain.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/405369>